

**PELAKSANAAN PROGRAM TARBIAH DAN
HUBUNGANNYA DALAM PEMBENTUKAN
EMOSI DAN SPIRITUAL PELAJAR:
KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH
AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)
NEGERI JOHOR**

*(The Implementation of Educational Program and Its
Relationship in the Shaping of Students' Emotional and
Spiritual: A Study at Sekolah Menengah Agama Bantuan
Kerajaan (SABK) Negeri Johor)*

Atikah Adl Hamzah,¹ Mohd Suhardi Mat Jusoh² &
Nuruddin Zanki Hamzah³

¹ Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: adlulwidad88@gmail.com

² Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: suhardi@umpsa.edu.my

³ Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: alzinki86@gmail.com

ABSTRAK

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ialah sekolah-sekolah yang menerima kelebihan yang sama seperti sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebagai institusi pendidikan formal, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sangat berperanan dalam memastikan kandungan pembelajaran pendidikan Islam disampaikan secara berkesan melalui program pendidikan Islam formal dan non-formal menerusi setiap program-program tarbiah seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu melahirkan insan yang cemerlang dari Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sahsia. Sehubungan itu, objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti elemen - elemen keberkesanan program tarbiah dalam pembentukan emosi dan spiritual pelajar. Secara khusus, kajian ini berbentuk analisis dokumen iaitu penyelidik menganalisis dapatan- dapatan kajian lepas dan terkini bagi membangunkan kerangka konseptual kajian ini. Dapatan awal kajian ini menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi keadaan tersebut iaitu manhaj tarbiah, konsistensi program tarbiah, penglibatan guru sebagai murabbi program.

Kata kunci: Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), program tarbiyyah, pembentukan emosi dan spiritual

ABSTRACT

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) are education centres that undergo the same advantages as other schools under the Ministry of Education Malaysia. As a formal educational institution, SABK plays a huge role in assuring that Islamic religion is delivered effectively through formal and non-formal Islamic education programs, as required by the Malaysia Ministry of Education (KPM) and the National Philosophy of Education (FPK). The main objective of this research is to analyse the elements of the effectiveness of the tarbiah programs in the emotional and spiritual formation of students. This study used the document analysis method, where the researcher analysed the findings of previous and recent studies to develop the conceptual framework of this study. The findings of this study suggest that there are three main factors influencing the development: manhaj tarbiah, consistency of tarbiah programs and the involvement of teachers as Murabbi.

Keywords: *Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), tarbiah programs, emotional and spiritual development*

PENGENALAN

Sebagai Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mementingkan aspek pembangunan sakhshiah dan akhlak pelajar, maka program tarbiah dianggap sebagai program pendidikan Islam non-formal yang penting dalam usaha memenuhi aspirasi kerajaan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Antara program pengukuhan keagamaan yang telah dilaksanakan adalah pelaksanaan modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) dan objektif utama modul ini adalah untuk melahirkan murid yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi oleh murid-murid lain, sentiasa memburu ilmu untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat, mempraktikkan amalan penjagaan kesihatan yang cemerlang dalam kehidupan seharian, mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi cabaran hidup serta berusaha meningkatkan daya kepimpinan dan bersemangat patriotisma (Noranisa Musa et al, 2021).

Maka bertepatan dengan hasrat di atas, sekolah-sekolah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia melaksanakan semua modul SUMUR untuk melahirkan dan membentuk akhlak pelajar ke arah yang lebih mantap dengan ilmu yang sedia ada kerana bangsa yang hebat bukan dilihat pada kekuatan fizikal tetapi dilihat daripada kualiti rohaninya (Tajul Ariffin Noordin, 1993). Dalam konteks ini, kajian ini telah mengambil inisiatif untuk mengkaji dan menilai keberkesanan program tarbiah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah SABK di negeri Johor berdasarkan modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) dalam aspek Pembentukan Emosi dan Spiritual Pelajar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pembangunan remaja sekolah dalam konteks Pendidikan Islam adalah menjurus kepada satu hasrat utama iaitu pembentukan keperibadian Islam yang unggul sebagaimana yang digariskan di dalam al-Quran. Allah SWT berfirman: “Al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka mata hati manusia dan menjadi

hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya).” (al-Jathiyah: 20).

Justeru, bagi memenuhi hasrat ini, pelbagai bentuk program pendidikan Islam formal dan non-formal dapat dilaksanakan oleh pihak sekolah termasuklah sekolah-sekolah SABK bagi mencapai maksud menjadikan pelajar-pelajar yang cemerlang akademik serta cemerlang akhlaknya. Hasrat ini diperkukuh lagi dengan slogan yang dihasilkan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato Hj Pkharuddin Hj Ghazali iaitu “anak yang baik lagi cerdik”. Ia bukannya memfokuskan kepada kaedah untuk melahirkan pelajar yang cerdik semata-mata, tetapi mempunyai sahsiah diri yang baik.

Bagi memenuhi hasrat ini, maka pelaksanaan program tarbiah sebagai program pendidikan Islam non-formal dianggap sebagai mekanisme yang dapat memenuhi hasrat ini. Kepentingan pelaksanaan program tarbiah sebagai program pendidikan Islam non-formal adalah penting iaitu dalam proses pembentukan emosi dan spiritual yang stabil. Program-program ini sangat penting bagi membangunkan diri remaja yang mempunyai daya diri yang mantap dalam kedua-dua aspek tersebut (Mohd Suhardi & Mohd Sharif, 2018). Permasalahan yang berlaku adalah Sungguh pun program tarbiah dapat dilaksanakan, namun keberkesannya dalam kedua-dua aspek yang dinyatakan masih menjadi timbul tanya terutamanya berkaitan sejauh mana berkesannya program tarbiah tersebut dijalankan dalam pembentukan emosi dan spiritual pelajar.

Isu dan permasalahan yang dinyatakan ini dapat dilihat melalui isu masalah sosial pelajar dengan merujuk kenyataan akhbar melalui Sinar Harian Online iaitu kejadian empat remaja pelajar di sebuah sekolah agama telah direman dua hari gara-gara membuli dan memeras ugut sebanyak RM5 terhadap seorang pelajar sekolah agama (Syarif. et al. 2021). Selain itu terdapat laporan statistik yang dikeluarkan oleh Malaysia Youth Data Bank System berkaitan Statistik Penglibatan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi Tahun 2016-2022 melaporkan terdapat kenaikan kes Juvana tahun 2021 sebanyak 1196 kes kepada 1399

kes pada 2022 dan ia dimonopoli oleh etnik Melayu sejumlah 23, 569 juvana berbanding etnik lain dibawah 5000 kes.

Ini membuktikan pengurusan emosi semakin sukar diuruskan dengan baik pada zaman kini. Ia dilihat kurang dirapikan oleh seseorang individu terutamanya pelajar. Antara simptom-simptom yang dapat dilihat ialah tiadanya empati dalam kalangan sesetengah remaja sekolah iaitu kurang memahami orang lain secara mendalam, mengungkapkan dan memahami perasaan, mengendalikan amarah, kemampuan untuk memecahkan atau menghilangkan masalah antara mereka yang berada disekeliling dan sebagainya. (Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon, 2013). Melihat kepada permasalahan di atas, maka program tarbiah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seharusnya dapat menyelesaikan konflik dalaman yang berlaku kepada remaja iaitu konflik spiritual dan emosi. Dari sudut ini, pengkaji cuba merungkaikan elemen-elemen pelaksanaan program tarbiah yang dapat memberi kesan terhadap pembentukan emosi dan spiritual pelajar. Justeru, melihat kepada kepentingan manhaj dan peranan guru, seharusnya program-program tarbiah sangat penting dilaksanakan secara rutin dan berkala kerana perkembangan akhlak dan emosi adalah proses yang berterusan. Program-program yang bersifat rutin dapat membantu dan sentiasa memandu pelajar-pelajar dari segi pembentukan karakter yang baik, peningkatan kesedaran diri, keterampilan sosial yang lebih baik, pemanduan emosi dan spiritual yang lebih sejahtera (Bujai & Hashim, 2015).

KAJIAN LITERATUR

Manhaj Tarbiah

Manhaj membawa maksud jalan yang jelas atau nyata yang diambil daripada perkataan dasar "*nahaja*" manakala dari pengertian istilah, ia disebut suatu kaedah jelas yang digariskan untuk diikuti dalam melakukan sesuatu kerja agar sampai kepada matlamat (Syed Abdurahman Syed Hussin, 1996). Tarbiah pula bermaksud pendidikan diambil daripada perkataan bahasa Arab. Tarbiah berasal daripada tiga kata kerja yang berbeza, iaitu: *Raba-*

Yarbu yang bermakna *nama-yanmu*, iaitu berkembang, *Rabiya-Yarba* yang bermakna *nasya'a*, *tara'ra'a*, iaitu tumbuh, dan *Rabba-Yarubbu* yang bermakna *aslahahu*, *tawalla amrahu*, *sasa'ahu*, *wa qama 'alaihi*, *wa ra'ahu*, iaitu memperbaiki, mengurus, memimpin, menjaga dan memeliharanya (mendidik)(Amalia Yunia Rahmawati, 2020). Dapatlah disimpulkan bahawa manhaj tarbiah ialah kaedah dalam mendidik individu berkaitan ilmu serta pemikiran Islam serta melaksanakan dalam kehidupan seharian.

Manhaj tarbiah bersifat holistik dan ia sangat penting dan telah terkandung dalam modul yang disediakan oleh KPM iaitu program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR). SUMUR merupakan alat bantu yang digunakan dalam pelaksanaan manhaj tarbiah serta menjadi panduan kepada guru-guru dan pelajar dalam pembelajaran dan dalam proses pembentukan emosi dan spiritual pelajar secara teratur dan berstruktur. Modul SUMUR ini juga sangat membantu dalam tujuan pemantauan dan penilaian perkembangan sahsiah pelajar-pelajar sekolah sekali gus dapat menjadi kayu ukur pencapaian pelajar setiap sekolah setiap tahun (Noranisa Musa et al, 2021).

Manhaj tarbiah yang terkandung dalam SUMUR sangat membantu dalam penyelesaian masalah konflik sahsiah pelajar sekali gus dapat membantu membentuk kecerdasan emosi dan spiritual pelajar. Konflik diri yang berlaku dalam kalangan pelajar pada era ini kebanyakannya berpunca daripada tiada kefahaman dan penghayatan agama yang kukuh dalam diri. Variasi tingkah laku yang dilakukan oleh murid ialah kesan daripada pengurusan dan penjagaan fizikal luaran dan dalaman terutamanya jiwa, emosi dan perasaan yang dipupuk oleh orang dewasa, pembimbing atau melalui program sahsiah (Mohd Nor, 2022). Pengaruh persekitaran dilihat sangat mempengaruhi dalam pembangunan emosi, jati diri dan tingkah laku pelajar samada melalui persekitaran keluarga, masyarakat, rakan sebaya mahupun para guru. Jika kehidupan seharian pelajar sering kali dihadapkan dengan persekitaran yang tidak soleh, kebarangkalian pasti mereka akan terpengaruh dengan persekitaran tersebut. Apatah

lagi pelajar-pelajar ini tidak memiliki keteguhan iman dan nilai jati diri yang konsisten.

Maka, konsep pembelajaran sosial turut ditekan dalam Islam supaya ia dapat mengimbangi proses penyerapan nilai tarbiah yang dilaksanakan di sekolah. Bahkan Rasulullah SAW turut menitikberatkan elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menyatakan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah dia bergaul. Sehubungan itu, amat wajar pembelajaran sosial ini dimuatkan dalam silibus manhaj pentarbiahan sekolah menerusi program rakan sebaya, usrah dan seumpamanya (Mat Daud, H. et al, 2020).

Selain itu, gandingan dengan beberapa modul lain yang perlu digabung jalinkan sebagaimana yang tersedia ada di dalam Modul Sahsial Unggul Murid di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (Rosli et al., 2022). Tema modul yang sangat signifikan dengan keperluan semasa seperti Pembentukan Budi Bahasa, Pembentukan Jati Diri, Penampilan Diri, Kecerdasan Emosi dan Spritual serta Pembentukan Kepimpinan (Musa, N. A. et al, 2021). Namun begitu perlu diperhalusi kembali tema-tema modul yang dinyatakan melalui ulasan cendekiwan Islam terhadap elemen-elemen penting yang perlu diberi perhatian bagi mencapai objektif modal insan menurut perspektif Islam.

Hasil yang diharapkan terutamanya oleh pihak sekolah melalui program-program tarbiah yang dilaksanakan adalah pencapaian modal insan yang berkualiti. Manifestasi ke arah pencapaian itu tidaklah terlalu mudah seperti yang dirangkakan menerusi modul-modul pentarbiahan yang ditawarkan. Bahkan tidak mampu digarap dan disemai dalam jangka masa yang pendek. Manusia sebagai individu yang menggerakkan setiap peranan harus kembali segar dan membuka mata agar tidak wujud pengasingan kehidupan daripada nilai-nilai kerohanian dalam setiap perkara kerana ia bakal mengundang kesan yang tidak membawa apa-apa erti di dalam mencari tujuan kehidupan yang sebenar.

Sebagai seorang individu Muslim, idea modal insan seharusnya menjadi pintu kepada idea yang memanjangkan hayat nilai-nilai kemanusiaan yang lebih produktif, kredibiliti dan positif dalam setiap tindakan. Salah satu cabang kepada realiti ini adalah melalui pendidikan. Tanpa pendidikan yang tidak ada ruh-ruh Islam diibaratkan seperti perigi tanpa air (Mohamad Asri, A. U. et al, 2020).

Konsistensi Pelaksanaan Program Tarbiah

Program SUMUR menjadi satu program wajib dengan kadar sekali sebulan namun masa dan tempat mengikut kesesuaian pihak sekolah. Program ini memberi infak yang besar dalam meletakkan pelajar dalam acuan yang sebenar mengikut kehendak agama islam. Selain itu program ini dijalankan mengikut waktu yang telah ditetapkan kerana ia akan dipantau oleh KPM, penyelarass SUMUR di JPN atau PPD melalui borang pemantauan yang telah disediakan (Modul SUMUR, 2019).

Program yang bersifat konsisten seperti ini mampu menjadikan pelajar benar-benar berada dalam acuan islam sebenar dan sentiasa dalam persekitaran yang sentiasa terdidik dengan nilai-nilai moral yang baik sekaligus membentuk kecerdasan emosi dan spritual yang cemerlang secara berterusan. Kemenjadian pelajar sekolah dalam aspek pembangunan emosi dan spritual mereka merupakan salah satu petunjuk tama dan seiring di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) (Sabilan et al., 2018). Indikator tersebut adalah usaha untuk membentuk, membangun dan mengembangkan potensi individu ke arah pembangunan insan yang seimbang dan harmonis berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Ismail, 2017).

Premis sekolah menjadi gedung ilmu utama yang bertanggungjawab sebagai pembina dan pemangkin kejayaan pelajar dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah serta disiplin. Program yang dilaksanakan sama ada bersifat rutin atau berkala perlu berimpak tinggi kepada pelajar dalam mencapai aspirasi murid yang berpengetahuan, berkemahiran memimpin, berkemahiran berfikir, berkemahiran berdwi bahasa, etika dan kerohanian serta beridentiti nasional selaras dengan Pelan

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Said Hawa menafsirkan Surah Al-Ra'du ayat yang ke28, bahawa amalan bertasbih, bertahlil (Mengesakan Allah), beristighfar dan bacaan ayat al-Quran ini akan menyegarkan dan mengelokkan serta mencenderungkan hatinya untuk dekat kepada Allah.

Amalan zikir ini perlu menjadi rutin dalam kehidupan berikutan jiwa manusia adakalanya kuat dan adakalanya lemah (Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Ishak Suliaman, 2018). Sehubungan dengan itu, suatu kesempatan yang kondusif di ambil oleh pihak sekolah dalam tempoh-tempoh tertentu samada ia bersifat rutin atau berkala dalam melaksanakan amalan-amalan kerohanian pelajar mereka. Contohnya seperti solat berjemaah, program qiamullail, tadarus al-Quran, bacaan Zikir Ma'thūrāt, puasa sunat, muzakarah berkelompok dan sambutan hari kebesaran Islam.

Program-program yang disenaraikan ini telah menjadi kelaziman dilaksanakan di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Swasta mahupun Kerajaan Negeri (Mohd Suhardi, 2015) apatah lagi bagi pelajar yang menetap di asrama. Pelaksanaan sesebuah program amat penting dan sumbangannya kepada individu dan organisasi adalah pemangkin kepada kemenjadian modal insan bertaraf global.

Komitmen Guru Sebagai Murabbi

Guru dikenali sebagai Murabbi iaitu orang yang mendidik (Amalia Yunia Rahmawati, 2020). Guru-guru menjadi watak utama dalam menjadi agen perubahan sosial dengan menyebarkan nilai-nilai positif seperti toleransi, personaliti dan pemikiran yang positif dan terkehadapan. Guru yang mempunyai fikrah serta komitmen yang jelas bukan hanya dapat mempengaruhi peningkatan akademik pelajar malah membantu dalam perkembangan sisial, emosi dan kualiti hidup seorang pelajar muslim yang benar dan jelas. Selain itu, terdapat juga hasil kajian yang menjelaskan bahawa guru bukanlah sebagai robot atau pun alat untuk menyampaikan ilmu sahaja malah mereka berperanan untuk menanam nilai-nilai murni bagi menghidupkan potensi-potensi dalaman dan luaran dalam

diri murid supaya dapat berkembang dengan sebaiknya (Rohana Hamzah et.al, 2012).

Begitu juga komitmen serta penglibatan dalam pelaksanaan program SUMUR disekolah yang memerlukan kaedah penilaian berdasarkan kepada penilaian sendiri, rakan sebaya dan pemerhatian guru (Modul SUMUR, 2019). Guru yang benar-benar sifat Murabbi sudah pasti akan menjadikan diri mereka sepenuhnya terlibat dalam program-program yang mempunyai penglibatan dari pelajar-pelajar sekolah mereka. Ini kerana komitmen guru terhadap tanggungjawabnya yang hakiki, proaktif dan berinovasi serta sangat perihatin dengan perkembangan pelajar-pelajarnya memberi potensi besar dalam membangunkan kecemerlangan murid yang seiring dengan matlamat yang termaktub di dalam FPK dan FPI(Talip & Malinkun, 2020).

Guru yang memiliki tahap komitmen yang tinggi mempunyai matlamat diri yang sama dengan matlamat sekolah. Oleh itu mereka sentiasa berusaha memastikan tugas dilaksanakan dengan cekap tanpa banyak alasan. Tahap komitmen guru yang tinggi dalam kalangan guru secara tidak langsung akan mengurangkan isu kehadiran lewat, tidak hadir bertugas dan bersara awal dalam kalangan guru. Selain itu, komitmen guru juga akan dapat menjadikan mereka sentiasa peka dengan perubahan khususnya bagi mendepani cabaran pendidikan alaf ke-21 (Jaggil & Muhamad Suhaimi, 2018). Justeru komitmen guru wajar diberi perhatian khususnya pentadbir di sekolah agar matlamat KPM untuk melahirkan insan yang mampu bersaing di peringkat global dapat direalisasikan (Taat, 2020).

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan metodologi kajian secara kualitatif iaitu analisis kandungan di mana kajian komprehensif telah dilakukan terhadap pelbagai penulisan terdahulu dan terkini dalam usaha mengenalpasti elemen-elemen keberkesanan pelaksanaan program tarbiah dan proses Pembentukan Emosi Dan Spiritual Pelajar. Dokumen utama analisis kandungan adalah modul

Sahsiah Unggul Murid (SUMUR), KPM. Seterusnya, elemen-elemen keberkesanaan yang telah dikenal pasti melalui sorotan kajian-kajian lepas dan terkini telah dijadikan sebagai landasan teori kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan dan sokongan kajian-kajian lepas didapati faktor-faktor seperti manhaj pentarbiahan, konsistensi program tarbiah serta komitmen guru sebagai murabbi sangat mempengaruhi dalam pembentukan emosi dan spiritual pelajar sehinggakan pelbagai program tarbiah seperti Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) menjadi satu program yang mampu memperkukuhkan program-program sahsiah pelajar yang telah sedia ada.

Bagi melahirkan kemenjadian murid pihak sekolah perlulah sama-sama berusaha melaksanakan program-program tarbiah tersebut secara berterusan, bersama-sama serta benar-benar meneliti manhaj yang dilaksanakan agar benar-benar dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar tidak berlakunya masalah-masalah sahsiah pelajar sedangkan banyak program-program tarbiah telak dilaksanakan. Melihat kepada hasrat pelbagai pihak, ini menunjukkan terdapat elemen-elemen yang ditampilkan oleh pengkaji di atas benar-benar perlu dititik beratkan bagi memastikan emosi dan spiritual benar-benar terkesan dengan program-program yang telah dilaksanakan.

Fakhrul Adabi et al., (2010) mendapati semua program-program yang mendidik jiwa benar-benar penting dan wajar dilaksanakan kerana ia benar-benar telah memenuhi hasrat kerajaan dan merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya akhlak serta keperibadian diri dalam masyarakat. Berdasarkan kandungan diatas bagi memastikan keberkesanan setiap program itu benar-benar berkesan, sangat penting bagi pihak yang bertanggungjawab menambah baik program-program

yang telah dilaksanakan dengan menekankan elemen-elemen yang telah ditampilkan oleh pengkaji.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini memberi sumbangan kepada masyarakat, institusi-institusi pendidikan serta jabatan-jabatan yang berkaitan agar memberi perhatian ke atas faktor-faktor yang dapat mempengaruhi emosi dan spiritual pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar disekolah-sekolah agama. Oleh itu, program-program tarbiah yang telah dijalankan sangat memerlukan manhaj yang jelas, komitmen guru dan konsistensi program secara berterusan agar emosi dan spiritual pelajar-pelajar dapat dibentuk dan mantapkan dan dijadikan sebagai landasan teori dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Amalia Yunia Rahmawati. (2020). *Kaedah Manhaj Tarbiah Rabi'ah Al-Adawiyah dalam Menangani Masalah Kemurungan ketika Pandemik COVID -19. July*, 1–23. <https://mjs.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/3239/1306>
- Bujai, M. R., & Hashim, A. (2015). Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan dan Hubungannya dengan Penghayatan Kerohanian Anggota Tentera Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 176–186.
- Charles du V Florey. (1993). Sample size for beginners. *British Medical Journal*. Vol. 306. 1181-1184.
- Chuah et al (2012). Attitudes of Business Students' Toward Plagiarism. *Journal of Academic Ethics*, 10(3), 185–199.
- Fraenkel, et al (2011). *How to Design and Evaluate Research in Education*, New York, (Vol. 38).
- Hawa, S. (2007). *Asas tafsir*. Kaherah, Pencetakan, penerbitan dan terjemahan daripada Al-Salam.

- Hj. Ismail, S. (2017). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83–100.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018). The Influence of Teachers' Readiness Towards 21st Century Classroom Management. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 6–22.
- Kallet, Richard H. (2004) "How to Write the Methods Section of a Research Paper." *Respiratory Care* 49 1229–1232.
- Kothari, C. R. (2012). Research Methodology: An introduction. *Research Methodology: Methods and Techniques*, IX, 418.
- Mat Jusoh, M. S., & Mohd Sharif, M. F. (2018). Pembangunan Spiritual dalam Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2), 127–158. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.4>.
- Mohd. Majid Konting. (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid, & Ishak Suliaman. (2018). *Zulfaqr international journal of defence management, social science & humanities Islam dan pembentukan kepimpinan berkualiti*. 1(2), 93–104.
- Rohana Hamzah et.al, (2012) "Pembangunan Jiwa Pendidik Dalam Kalangan Bakal Pendidik", *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, Bil. 61, No. 1, 31.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu (Integrating the National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Kebangsaan-FPK) in Developing Integrated Human Capital). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86–103.
- Sabilan, S., Lip, S. M., Ishak, M. F., Zdinal, S., & Abidin, S. H. S. (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International Conference On Moslem Society 2016At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bangi, 1980(May)*, 1–13.

- Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). *Research Methods in Business: A skill Building Approach*. 5th Edition, John Wiley and Sons, Singapore, PP, 488.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. (1996). Manhaj : Pengertian dan kepentingannya kepada da'wah. *Jurnal Usuluddin*, 5, 129–146.
<https://mjs.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/3239/1306>.
- Talip, R., & Malinkun, R. (2020). Hubungan Iklim Organisasi Sekolah dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Sebagai Mediator ke atas Kualiti Guru Generasi “Y” di Sekolah Menengah Daerah Kudat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 58–78.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.372>.

Laman sesawang

<https://ecentral.my/anak-yang-baik-lagi-cerdik-abc-kpm/>.
<https://highereducation.com/ydata.iyres.gov.my>.
<https://sinarbestari.sinarharian.com.my/ipt/buletin-ipt/mahasiswa-perlu-cemerlang-akademik-dan-akhlak>.
<https://www.itma.vt.edu/courses/progprod2/resources/ch19.pdf>.